

21 NOV 1999

Sanusi-Fitnah

FITNAH MEMBAWA CELAKA KEPADA LANGKAWI, KATA SANUSI

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid meminta penduduk Langkawi menolak fitnah supaya nasib malang yang menimpa pulau peranginan itu seperti di zaman Mahsuri dahulu tidak berulang lagi.

"Fitnah akan menyebabkan rakyat berpecah belah dan negara tidak stabil," katanya ketika berucap melancarkan Karnival Langkawi sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '99) di sini malam tadi.

Katanya terdapat trend baru menggunakan agama yang bukan bertujuan mengajar tetapi hanya sekadar hiburan untuk menggula-gulakan orang ramai.

"Mereka yang menggunakan pentas agama ini sanggup menabur fitnah dan jika penduduk Langkawi tidak berwaspada nasib malang yang menimpa Langkawi pada masa lepas akan berulang," katanya.

Sanusi berkata penduduk Langkawi perlu menyatakan mereka tidak mahu lagi termakan fitnah yang disebarakan terutama semasa musim pilihan raya umum sekarang.

Katanya, penduduk Langkawi perlu bersyukur dengan daya usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga pulau peranginan ini dapat bersaing dengan pulau peranginan yang lain.

"Dengan idea Dr Mahathir, Langkawi kini terkenal di seluruh dunia melalui siri LIMA yang telah diadakan sehingga menjadi antara pertunjukan udara antarabangsa yang terkenal, sebaris dengan Pertunjukan Udara Paris", katanya.

Sanusi berkata Malaysia juga kini dikenali ramai kerana politiknya yang stabil dan telah menarik lebih ramai pelabur datang, yang menjanjikan lebih banyak peluang pekerjaan.

-- BERNAMA

NH RI